

08 JAN 2001
Sukan-Basikal
MASIH ADA PASUKAN MINAT SERTAI LTDL 2001

LANGKAWI, 8 Jan (Bernama) -- Penganjur Le Tour de Langkawi 2001 masih menerima permohonan pasukan untuk bertanding pada kejohanan lumba basikal yang dijadual berlangsung pada 4 hingga 18 Feb itu walaupun jumlah penyertaan telah mencukupi sebanyak 25 pasukan.

Pengerusi Eksekutif First Cartel Sdn Bhd Datuk Wan Lokman Datuk Paduka Wan Ibrahim berkata pasukan profesional dari Itali, Denmark dan Jerman adalah antara yang membuat permohonan untuk bertanding pada kejohanan berprestij itu.

"Penyertaan mereka hanya akan diterima jika ada mana-mana pasukan menarik diri pada saat akhir", katanya ketika ditemui selepas menghadiri mesyuarat mengenai persiapan penganjuran LTdL 2001 di sini hari ini.

Pegawai Daerah Langkawi Haji Ismail Hamid mempengerusikan mesyuarat itu yang disertai pelbagai jabatan dan agensi kerajaan dalam menjayakan pembukaan kejohanan itu di sini.

Perlumbaan Langkawi Classic mengelilingi Langkawi sejauh 66 kilometer pula menjadi pembuka tirai kejohanan berkenaan.

Wan Lokman berkata pasukan yang bertanding pada kejohanan kali ini adalah yang terkuat dalam sejarah kejohanan yang telah masuk edisi keenam dengan status lebih tinggi 2.3.

Beberapa pelumba yang mempunyai ranking dunia akan turut beraksi pada kejohanan itu yang mengandungi perlumbaan 12 peringkat membabitkan jarak sejauh 1,838 kilometer.

Kejohanan yang menawarkan hadiah RM1 juta itu merupakan perlumbaan unggul selepas Tour de France dan Giro d'Italia dan ini membuktikan LTdL telah mula dikenali seluruh dunia serta mendapat publisiti meluas, katanya.

Katanya ini terbukti kerana lima pasukan kelas satu, 12 pasukan kelas dua, tujuh pasukan kebangsaan selain pasukan Telekom Malaysia akan mengambil bahagian, katanya.

Mapei-Quick Step dan Saeco Macchine Per Caffè dari Itali, CSC-World Online dari Denmark, Mercury-Viatel dari Amerika Syarikat dan Credit Agricole dari Perancis akan menyertai perlumbaan itu manakala kebanyakan daripada 12 pasukan kelas dua termasuk Cantina Tollo dari Itali dan Phonak dari Switzerland pernah menyertai kejohanan lepas.

Bagi pasukan kebangsaan, Malaysia akan menghadapi saingan hebat daripada beberapa pasukan termasuk Afrika Selatan dan Jepun yang telah mengambil bahagian sebanyak empat kali selain China dan negara-negara Asean seperti Filipina dan Indonesia.

Wan Lokman berkata pelancaran LTdL 2001 dijangka dilakukan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Dataran Lang di sini pada 4 Feb. Ini merupakan kali pertama pelancaran dilakukan di tempat terbuka untuk membolehkan lebih ramai penduduk dan pelancong menyaksikannya.

-- BERNAMA
ZI NH NMO